



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**MERINYU (D.1-2-3 EB.4-5)  
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERINYU**  
**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**  
**D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

**ATAU**

- ii) *BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC 2)* dalam bidang yang bersesuaian.

**ATAU**


- iii) Telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- iv) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melaksanakan pemeriksaan dan pengawasan pemeliharaan landskap dan kemudahan awam yang dikendalikan secara kontrak di kawasan Taman Rekreasi Pantai Muara dan Pantai Serasa dan menghadapkan laporan perkembangan / penilaian prestasi kerja kepada Pembantu Teknik Kanan pada setiap minggu pertama;
2. Melaporkan sebarang kerosakan aset-aset Taman Rekreasi yang di bawah jagaan kepada Pembantu Teknik Kanan untuk dihadapkan kepada Ketua Bahagian dalam tempoh sehari untuk tindakan selanjutnya;
3. Keluar lebih masa bagi memastikan pintu pagar utama dan kedua di Pantai Serasa tidak terhalang pada hari Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam bagi memastikan tiada sebarang kenderaan seperti *trailer* dan lain-lain binaan *stall* larangan;



4. Memantau kegiatan pengunjung dan memastikan aset-aset kerajaan dan tanaman landskap sentiasa terpelihara, selamat dan tiada berlaku sebarang kecurian, pemugut dan masalah-masalah lain; dan
5. Menerima arahan daripada Ketua Atasan dari semasa ke semasa.